

Jasa 27 tahun Keng Yaik dikenang

Menteri yang suka berterus terang tak pernah mengalah dengan kontroversi

Oleh Kadir Dikoh

ESOK, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan mengucapkan selamat tinggal kepada parti Gerakan yang diterajunya sejak 1980 iaitu tarikh yang kelihatan dirangka khas sempena ulang tahunnya ke-68. Namun, beliau akan kekal memegang jawatan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi selagi Perdana Menteri tidak melakukan rombakan Kabinet.

Yang pasti, Keng Yaik tidak mahu lagi bertanding pada pilihan raya itu nanti kerana mahu bersara daripada arena politik sepenuh masa.

Bagi wartawan, ketiadaan Keng Yaik dalam politik arus perdana selepas ini amat dirasai dan dirindui. Beliau mempunyai perwatakan tersendiri dan kadang-kala kelihatan agak 'nakal' apabila menyentuh isu sensitif terutama membabitkan masyarakat Bumiputera seperti kontrak sosial. Namun, beliau adalah seorang ahli politik yang berterus terang, suka berjenaka, tetapi kuat merokok.

Keng Yaik pernah disindir Tun Dr Mahathir Mohamad dalam satu mesyuarat Kabinet dipengerusikan Perdana Menteri ketika itu, kerana berada terlalu lama dalam tandas.

"Dia ingat saya tidak tahu, dia hisap rokok lama dalam tandas tu," kata Dr Mahathir seperti diberitahu seorang Menteri Kabinet kepada penulis beberapa tahun lalu. Tetapi hubungan Keng Yaik dengan Dr Mahathir terjalin sejak awal 1970-an lagi dan peristiwa sindir menyindir seperti itu bukan kali pertama antara mereka.

Pada satu pagi sekitar 1973 di kantin Parlimen, Dr Mahathir ketika sedang minum seorang diri menyapa Keng Yaik yang kebetulan lalu di situ dengan kata-kata "Keng Yaik, how do you feel (bagaimana awak rasa)?" kata Dr Mahathir, tetapi disambut Keng Yaik dengan jawapan nakal berbunyi, "You should know (Anda seharusnya tahu)". Ketika itu, Dr Mahathir cuma sebagai Senator dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, manakala Keng Yaik pula baru dipecat daripada MCA.


Jawapan Keng Yaik itu merujuk kepada nasib sama dialami Dr Mahathir yang pernah dipecat daripada Umno oleh Tunku Abdul Rahman Putra pada 1969 berikutan kritikan terbukanya terhadap Perdana Menteri pertama itu.

"Itulah kali pertama saya bersemuka dengan Dr Mahathir yang ketika itu dikenali sebagai ultra Melayu," kata Keng Yaik.

Beliau dipecat daripada MCA dan meletak jawatan sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas pada 30 Mei 1973 kerana bertelagah dengan Presiden MCA ketika itu, mendiang Tun Tan Siew Sin. Pada 1974, Keng Yaik menyertai Gerakan, dua tahun kemudian dipilih sebagai Timbalan Presiden dan mengambil alih jawatan Presiden parti itu pada 1980.

Apabila Keng Yaik secara rasmi mengundurkan diri daripada jawatan Presiden Gerakan esok, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon memangku jawatan itu, walaupun terus memegang jawatan Timbalan Presiden Gerakan.

Belum diketahui apa perancangan Gerakan selepas ini iaitu sama ada Koh, 58, akan terus kekal sebagai Ketua Menteri seperti dilakukan Tun Dr Lim Chong Eu ketika menerajui Gerakan atau berpindah ke pusat selepas pilihan raya umum akan



PERALIHAN KUASA: Keng Yaik menyerahkan kepemimpinan Gerakan kepada Koh selepas memegang jawatan itu sejak 1980.

datang. Tetapi baru-baru ini, Koh menyatakan beliau bercadang meneruskan tugas sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan satu keputusan akan dibuat selepas pilihan raya umum akan datang.

Kesediaan Keng Yaik melepaskan jawatan itu kepada timbalannya, jelas menunjukkan kejayaan pelan peralihan kuasa dalam parti terbabit tanpa banyak halangan setakat ini. Apabila Gerakan mengadakan pemilihan tahun depan dan Koh secara rasmi dipilih ke jawatan itu, maka Ketua Menteri Pulau Pinang berkenaan menjadi Presiden Parti Gerakan ketiga dalam sejarah parti sejak ia ditubuhkan pada 1968.

Kebolehan Koh sebagai pemimpin mulai menyerlah apabila mengambil alih jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang daripada Chong Eu pada 1990 dan seterusnya membawa kecemerlangan kepada negeri itu. Gaya kepimpinan beliau tersendiri dan berlainan daripada cara Keng Yaik.

Pendekatan berhati-hati dalam membuat sesuatu menjadikannya pemimpin pelapis semula jadi yang mempunyai sokongan padu ahli. Beliau pernah menyatakan yang beliau mengamalkan rasmi padi, lebih berisi, lebih tunduk. Keng Yaik beberapa kali menyebut bahawa beliau akan melepaskan jawatan presiden sebelum ini, tetapi hasratnya terbantut kerana timbalan presiden ketika itu bukan "orang pilihan" beliau. Ketika proses pemilihan itu tahun lalu, Keng Yaik awal-awal lagi menamakan Koh sebagai penggantinya.

Sepanjang menerajui Gerakan, Keng Yaik dicabar lima kali iaitu pada pemilihan 1980, 1984, 1987, 1996 dan 2005. Beliau menganggap saat paling manis dalam kerjaya politiknya ialah ketika pemimpin Gerakan berhimpun di Port Dickson selepas kemangannya pada pemilihan 1980.

"Saya menyukai saat itu... semua pemimpin datang, kami berbaik semula dan mereka menghormati saya sebagai Presiden, walaupun ketika itu saya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri," katanya yang mengingatkan ahli Gerakan supaya sentiasa patuh keputusan kepimpinan serta sanggup menyumbang kepada parti dan negara, walaupun tidak diberikan jawatan.

Gerakan akan mengadakan persidangan perwakilan luar biasa di ibu pejabat Ge-

rakan, Menara PGRM, di Kuala Lumpur esok bagi meluluskan keputusan Keng Yaik dan melantik Koh sebagai pemangku Presiden sehingga pemilihan parti akan datang pada 2008.

Apa pun, Keng Yaik akan mencatat sejarah tersendiri dalam politik iaitu memimpin Gerakan selama 27 tahun selepas mengambil alih daripada Chong Eu pada 1980. Lim antara pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) paling lama memegang jawatan itu selain Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Tan Sri Taib Mahmud. Dua lagi parti komponen BN terbesar, Umno dan MCA masing-masing menyaksikan peralihan kuasa dilakukan dengan lancar beberapa tahun lalu.

Di luar Gerakan, Keng Yaik diingati sebagai menteri yang tidak kurang menariknya dengan pelbagai isu kontroversi. Oktober lalu, beliau dikecam hebat pemimpin Umno berikutan desakannya mahu kerajaan mendedahkan kaedah kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) berhubung peraturan pemilihan ekuiti Bumiputera.

Pada 2005, Keng Yaik sekali lagi mengejutkan orang Melayu apabila menggesa parti politik melupakan formula kontrak sosial antara kaum dipersetujui ketika negara mencapai kemerdekaan. Berikutan itu, Keng Yaik terpaksa membuat penjelasan pada mesyuarat Kabinet 17 Ogos 2005 dan turut mengedarkan teks ucapannya dalam bahasa Inggeris pada satu majlis di ibu negara sebelum itu untuk menjelaskan bahawa maksudnya disalah tafsir sebuah akhbar tempatan yang melaporkan isu berkenaan. Masyarakat India pada 2003 marah kepada Keng Yaik kerana menggelarkan masyarakat itu sebagai 'tong kosong', tetapi beliau menafikan dakwaan itu.

Keng Yaik dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas saling berbalas kenyataan berbentuk sindiran serta kecaman berkisar kepada penggabungan kedua-dua parti itu tahun lalu dan terbaru, tetapi sudah diselesaikan adalah berkaitan agihan kerusi di Perak. Namun, Keng Yaik tidak mahu 8 April, esok sebagai hari sedih sama ada untuk parti atau dirinya sendiri. Selamat menyambut ulang tahun ke-68 Datuk Seri!

PETIKAN MENARIK LIM

“Susu getah Malaysia yang terbaik. Daripadanya, kita boleh menghasilkan pelbagai sarung daripada sarung tangan hinggalah kepada kondom”

Ucapan pada forum Perniagaan Malaysia-China di Beijing pada 16 September 2003

“Ini air, apasal masuk cerita hutan. Itu pasal saya panggil Jurassic Park...dulu dinosaur besar, sekarang dah pupus. Lagi minta tambah 15 minit”

Ketika mencelah perbahasan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) di Dewan Rakyat pada 18 Januari 2005

“Kalau hari-hari minta duit...mati nak duit, beranak nak duit, kenduri nak duit, sampai bila pun politik di Malaysia tidak matang sebab orang yang kita pilih sebagai wakil rakyat bukannya kantung duit”

Katanya selepas majlis taklimat politik Gerakan Selangor di ibu negara 19 Jun 2005

“Lagipun jika singkatan nama kementerian sekarang ialah KTA yang bunyi sebutannya hampir macam katak dan saya berasakan lebih baik ditukarkan kepada KKAT”

Katanya pada majlis makan malam Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang diterajunya pada 21 Februari 2005